



INDUSTRI GETAH MALAYSIA 2021

Sejarah Penanaman Getah

Industri getah asli di Malaysia bermula pada tahun 1877 di Kuala Kangsar, Perak. Anak pokok getah yang ditanam adalah daripada spesies *Hevea Brasiliensis*. Sebanyak 2,000 anak pokok getah telah berjaya dihidupkan dalam *Wardian cases*, iaitu rumah kaca yang bersesuaian dengan suhu dan iklim di Brazil. Sebahagian daripada anak pokok itu telah dibawa ke Ceylon dan selebihnya sebanyak 22 anak pokok dihantar ke Taman Botani, Singapura dan sembilan anak pokok dihantar ke Kuala Kangsar. Estet getah pertama telah wujud di Melaka pada tahun 1902/1903. Keluasan penanaman getah mula berkembang hingga mencapai kemuncaknya iaitu seluas 2.06¹ juta hektar pada tahun 1979.

Pokok getah dari spesies *Hevea brasiliensis* (gambar) merupakan benih terawal daripada 11 benih yang ditanam di Malaysia. Dibawa dari Brazil oleh Henry Nicholas Ridley pada tahun 1877, ditanam berhampiran Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar semasa Perang Dunia ke-2.



Nota: ¹ Keluasan meliputi estet dan pekebun kecil

Kategori Getah

Terdapat tiga kategori utama getah yang digunakan pada masa ini iaitu getah asli, getah sintetik dan getah tebus guna:

- 1 Getah asli dihasilkan dari pokok getah yang kebanyakan ditanam di negara-negara Asia Tenggara.
- 2 Getah sintetik merupakan getah tiruan yang diperbuat daripada bahan mentah seperti *butadiene*, *styrene* dan *isoprene*.
- 3 Getah tebus guna pula dibuat dengan mengolah sisa pelbagai bahan getah seperti tayar dan tiub dengan kaedah pemanasan dan penggunaan bahan kimia.

Sumber:

1. https://ms.wikipedia.org/wiki/Pokok_getah
2. Portal Rasmi Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
3. <https://www.ibef.org/>





Pengeluaran getah asli dunia berjumlah 14.8 juta tan metrik pada 2020. Thailand menerajui kedudukan tertinggi dengan mencatatkan pengeluaran getah asli sebanyak 4.7 juta tan metrik iaitu sumbangan 31.7 peratus daripada jumlah pengeluaran. Ini diikuti oleh Indonesia dengan pengeluaran 3.4 juta tan metrik (22.7%) dan Viet Nam pula 1.2 juta tan metrik (8.3%). Manakala, Malaysia menduduki tangga ketujuh sebagai negara pengeluar getah asli dunia pada 2020 dengan merekodkan pengeluaran sebanyak 0.5 juta tan metrik (3.5%).



Thailand

Thailand menghasilkan dalam lingkungan 4.5 hingga 4.8 juta tan metrik getah asli setahun (2015-2020) dengan peningkatan sebanyak 5.3 peratus pada 2020 berbanding pengeluaran pada 2015. Selari dengan penghasilan getah asli yang tinggi, Thailand turut menduduki tangga teratas bagi negara pengeksporth getah asli dunia pada 2020 dengan nilai eksport sebanyak USD3.5 bilion.



Indonesia


Indonesia sebagai pengeluar kedua terbesar getah asli dunia mencatatkan pengeluaran antara 3.1 juta tan metrik hingga 3.7 juta tan metrik setahun bagi tempoh 2015-2020. Kawasan pengeluaran getah utama adalah terletak di Sumatera dan Kalimantan.




Viet Nam

Viet Nam pula merupakan negara ketiga terbesar pengeluar utama getah asli dunia dengan mencatatkan peningkatan 21.1 peratus pada 2020 berbanding 1.0 juta tan metrik getah asli pada 2015 (2020: 1.2 juta tan metrik).


10 Negara Pengeluar Utama Getah Asli Dunia, 2019 & 2020



Pengeluaran Getah Asli Mengikut Negara, 2015-2020



Eksport Getah Asli Mengikut Negara, 2015-2020






Sektor pertanian khususnya getah asli merupakan satu komoditi yang turut menyumbang kepada ekonomi negara. Pada 2021, sektor getah menyumbang 0.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, sedikit menurun berbanding pada 2015 (0.3 peratus).

Pengeluaran

Malaysia merupakan negara ketujuh sebagai pengeluar getah asli dunia pada 2020. Pada 2021, Malaysia mencatatkan pengeluaran 469.7 ribu tan metrik menurun 8.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 514.7 ribu tan metrik). Pengeluaran getah asli negara dalam tempoh enam tahun (2015-2021) juga merekodkan penyusutan kadar pertumbuhan purata tahunan 6.9 peratus (2015-2021) dalam pengeluaran getah asli.


Pengeluaran Getah Asli, Malaysia, 2015-2021



Penggunaan

Malaysia menduduki tangga kelapan sebagai pengguna getah asli dunia pada 2020. Namun, penggunaan getah asli Malaysia pada 2021 berjumlah 502.0 ribu tan metrik menurun 3.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 518.7 ribu tan metrik). Negeri Selangor merupakan negeri utama pengguna getah asli negara dengan sumbangan 58.1 peratus kepada jumlah penggunaan 2021.

Penggunaan Getah Asli, Malaysia, 2015-2021



Negeri Utama Pengguna Getah Asli, Malaysia, 2021






Industri sarung tangan getah penyumbang utama penggunaan getah asli

Meskipun tidak mampu bersaing dari aspek pengeluaran getah asli, Malaysia masih mempunyai kelebihan dari sudut industri hiliran berasaskan getah sebagai pengeluar sarung tangan terbesar dunia iaitu 62.0 peratus (Berita Harian, 19 April 2020).

Dalam tempoh enam tahun (2015-2021), penggunaan domestik getah asli tertinggi dicatatkan pada 2020, kesan daripada pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, pada 2021 pasaran sarung tangan getah dilihat kembali normal dengan mencatatkan penurunan 5.2 peratus berbanding tahun sebelumnya selari dengan penurunan kes jangkitan di peringkat dunia.

Penggunaan Domestik Getah Asli Mengikut Industri, Malaysia, 2015-2021




DAGANGAN

Eksport


Jumlah eksport dan import getah asli Malaysia didorong oleh pelbagai faktor antaranya adalah pengeluaran, penggunaan domestik dan stok. Eksport getah asli Malaysia berjumlah 653.2 ribu tan metrik pada 2021.

Jumlah eksport bagi lima negara utama iaitu China, Amerika Syarikat, Jerman, Finland dan Turki pada 2021 adalah sebanyak 426.0 tan metrik atau bernilai RM2,912.4 billion (2020: 407.4 ribu tan metrik; RM2,315.6 bilion). China menjadi rakan dagang negara yang utama iaitu pengimport tertinggi getah asli Malaysia dengan menyumbang 48.3 peratus kepada jumlah eksport negara pada 2021 (2020: 51.8 peratus).

Eksport Getah Asli, Malaysia, 2015-2021





Eksport Getah Asli 5 Negara Utama, Malaysia, 2021



Import

Thailand merupakan pembekal utama getah asli ke Malaysia pada 2020 dan 2021 dengan sumbangan sebanyak 39.1 peratus (478.1 ribu tan metrik) dan 42.5 peratus (512.8 ribu tan metrik) daripada jumlah keseluruhan import getah asli negara (2020: 1,221.9 ribu tan metrik, 2021: 1,207.3 ribu tan metrik). Ini diikuti Filipina (13.0 peratus) dan Myanmar (6.8 peratus). Jumlah import getah asli bagi lima negara utama pada 2021 (Thailand, Filipina, Myanmar, Vietnam dan India) ialah 767.5 ribu tan metrik iaitu bernilai RM5.2 billion.





Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PASARAN GETAH

Harga getah dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang menyokong jangkaan harga yang memberangsangkan termasuk harga minyak mentah dunia yang tinggi, peningkatan pengeluaran kenderaan global, kekurangan bekalan getah dan kelemahan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat.

Pada akhir tempoh 2021, harga purata sekerap dan SMR 20 mencatatkan 713.00 sen per kilogram dan 584.07 sen per kilogram meningkat 18.8 peratus dan 13.4 peratus berbanding akhir tempoh tahun 2020.

Harga di peringkat global seperti dilaporkan oleh *World Bank Commodity Price Data* menunjukkan harga getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) meningkat 9.5 peratus berbanding akhir tempoh yang sama tahun lalu (Disember 2020: USD1.57/kg). Manakala getah jenis SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menunjukkan penurunan 17.4 peratus berbanding USD2.33/kg dicatatkan pada Disember 2020.



Sumber:

- Lembaga Getah Malaysia
- World Bank Commodity Price Data

Cuaca dan Penyakit

Malaysia terus berdepan ketidaktentuan pengeluaran getah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah faktor cuaca/monsun tidak menentu yang memberi kesan kepada aktiviti torehan. Selain itu, penyakit *pestalotiopsis* yang mengancam tanaman getah di Malaysia yang turut mempengaruhi pengeluaran susu getah di peringkat ladang.



Penyakit luruhan daun *Pestalotiopsis*

- *Pestalotiopsis* sp. adalah sejenis kulat yang menyebabkan penyakit pada tumbuhan di kawasan tropika dan beriklim sederhana.
- Kulat ini menjangkiti daun, tangkai, dahan dan pokok getah yang menyebabkan keguguran daun getah matang.
- Serangan penyakit ini menyebabkan pengurangan produktiviti hasil sehingga 50%.



- Sumber:
1. RISDA
 2. Berita Harian
 3. Sinar Harian

Komoditi Lain

Hambatan kemajuan dan faktor harga menyaksikan banyak pekebun kecil dan estet getah digantikan dengan penanaman sawit serta pembangunan hartanah. Komoditi lain seperti sawit turut tidak terkecuali dalam sumbangan kepada KDNK negara dengan menyumbang sebanyak 2.8 peratus pada 2020. Penanaman getah di Malaysia turut terkesan berikutan lonjakan permintaan dan harga sawit yang tinggi. Situasi ini mendorong pengusaha tanaman getah bertukar kepada penanaman sawit yang dilihat mampu memberikan hasil pulangan yang lebih stabil dan berterusan.




Guna Tenaga

Dari segi faktor guna tenaga, sektor pertanian khususnya masih bergantung kepada pekerja asing. Penutupan sempadan dan sekatan pengambilan pekerja asing baharu mendorong kepada kekurangan pekerja dan seterusnya memberi kesan kepada hasil pengeluaran getah asli di Malaysia.




KERANGKA INDUSTRI GETAH



Secara ringkas, industri getah bermula dari peringkat hulan iaitu peringkat penanaman yang merupakan sumber kepada bahan mentah yang kemudiannya diproses kepada beberapa jenis getah yang lebih tahan lama. Getah ini kemudian diproses untuk menghasilkan produk-produk berasaskan getah seperti tayar dan tiub, sarung tangan getah serta benang getah yang kemudiannya dipasarkan bagi memenuhi keperluan domestik dan antarabangsa. Rajah *Rich Milky Fluid* Malaysia, 2021 menunjukkan peringkat pengeluaran getah asli sehingga kepada penghasilan produk berasaskan getah untuk pasaran.

RICH MILKY FLUID MALAYSIA, 2021



Nota:

1. * Termasuk Getah keping basah, tidak diasap
2. Unit pengukuran merujuk tan metrik


Sumber:

1. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
2. Jabatan Perangkaan Malaysia

PROSES PENANAMAN GETAH



Penanaman anak pokok getah.



Membaja mengikut jadual.



Kawalan rumpai dengan kaedah penyemburan racun rumpai.



Cara torehan pokok menggunakan teknik saluran berpilin naik pada batang pokok menurut pusingan ke kanan yang membentuk 30° pada ufuk.



Pisau untuk menoreh hendaklah diasah terlebih dahulu menggunakan batu asah.



Cawan plastik/tembikar dipasang di bawah zink sudu pengalir dan diikat pada pokok getah.



Cuka getah dicampurkan ke dalam susu getah untuk menghasilkan getah sekerap.



Sekerap ditanggalkan dari cawan untuk dikumpulkan.



Sekerap yang dikumpul akan dipindahkan ke dalam lori untuk dihantar ke kilang.

Sumber:

1. RISDA Pulau Pinang
2. <http://animhosnan.blogspot.com/2019/04/pemisahan-industri-komoditi-dan-makanan.html>